



**FRANCIS** (empat kiri) menyerahkan sijil penghargaan kepada Safree di hadapan kabin blok klinikal.

## FPSK, UMS sumbang blok klinikal kepada HDOK Sandakan

Oleh YAP SIONG HAN

UB 22 April 2019 A3  
SANDAKAN: Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyerahkan kabin blok klinikal kepada Hospital Duchess of Kent (HDOK) pada majlis ringkas yang berlangsung di hospital itu.

Blok klinikal berkenaan diserahkan oleh Dekan FPSK

Prof Dr Mohammad Safree Jeffree kepada Pengarah HDOK Dr Francis Paul.

Safree dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada pihak HDOK yang telah banyak membantu UMS khususnya FPSK sepanjang penempatan pelajar perubatan UMS di situ.

“FPSK akan terus bekerjasama dengan HDOK

dalam bidang penyelidikan dan program pascasiswazah FPSK UMS,” katanya dalam majlis itu.

Sementara itu, Francis turut menghargai UMS yang sudi menyumbangkan kabin kepada pihak hospital.

“Kabin ini akan digunakan oleh pihak hospital untuk penganjuran kursus kepada kakitangan hospital.

“Hospital juga dapat

menggunakan kabin ini untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat di Sandakan,” katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Pegawai Undang-undang Kanan UMS Awang Suhaizam Bungso dan Timbalan Bendahari Kanan UMS Mohamad Edrus Othman.